

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Amazon Web Services labur RM25.5 billion di Malaysia

Amazon Web Services labur RM25.5 billion di Malaysia



Pembukaan infrastruktur baru tingkat transformasi digital negara

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Petaling Jaya: Penyedia perkhidmatan awan antarabangsa, Amazon Web Services (AWS) akan melabur RM25.5 billion sehingga 2037 untuk membuka infrastruktur serantau baru di Malaysia.

Dengan pelaburan itu, Malaysia dijangka menyaksikan peningkatan yang lebih besar dalam transformasi digital dan kepercayaan digital dalam kalangan masyarakat.

Pelaburan gergasi teknologi itu juga akan meningkatkan daya saing Malaysia dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta membantu inovasi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), seiring dengan aspirasi digital negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin pelaburan teknologi antarabangsa terbesar itu akan membawa kepada inovasi dan pelaburan lebih signifikan dalam negara, sekali gus mendorong Malaysia menjadi pusat data dan hab digital serantau.

"Dengan pelaburan barbaru AWS itu, kita berharap dapat melihat peningkatan yang lebih besar dalam transformasi digital dan kepercayaan digital dalam



Rafizi (enam dari kiri) bersama Tengku Zafrul (empat dari kanan) pada majlis Kemas Kini Utama Perniagaan: AWS Malaysia, di Petaling Jaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

masyarakat Malaysia.

"Ini seterusnya akan membawa kepada inovasi dan pelaburan yang lebih besar di Malaysia, mendorong negara untuk menjadi pusat data dan hab digital untuk ratusan ini.

"(Selain itu) dengan membawa akses kepada infrastruktur AWS yang bertaraf dunia, teknologi termaju dan program kemahiran digital termaju ke Malaysia akan membuka peluang untuk perniagaan tempatan membinanya dan berkembang di peringkat global.

"...memupuk tenaga kerja yang didayakan secara digital, merangsang penciptaan pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi jangka panjang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan merasmui rakaman video yang disiarkan pada majlis Kemas Kini Utama Perniagaan: AWS Malaysia.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Dato' Seri Zafrul; Tengku Abdul Aziz; Menteri Ek-

onomi, Rafizi Ramli dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS, Datuk Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz.

Majukan Malaysia MADANI

Mengulas lanjut, Anwar berkata, pelaburan itu juga akan memajukan wawasan Malaysia MADANI mengenai ekonomi berkemahiran tinggi, inovatif, inklusif dan mapan di mana kekayaan dikongsi dengan lebih saksama. "Hari ini, kita melihat sejumlah besar syarikat Malaysia - daripada syarikat permulaan kepada perusahaan mengubah perkhidmatan dan proses mereka, menghasilkan inovasi yang lebih besar, memprosesan data yang lebih selamat dan kos operasi yang lebih rendah dengan Penyedia Perkhidmatan Awan seperti AWS.

"PETRONAS menjadi contoh terbaik bagaimana sebuah organisasi terkemuka Malaysia mempercepatkan perjalanan transformasi digitalnya dengan memanfaatkan kuasa awan untuk me-

modenkan IT (teknologi maklumat), memacu operasi yang lebih bijak dan keputusan yang lebih pantas melalui cerapan daripada analisis data, dan membina aplikasi digital baharu seperti SETEL untuk meningkatkan pengalaman pelanggan.

"Begitu juga dengan Silverlake Axis, sebuah syarikat kewangan dan fintech yang diasaskan di Malaysia, yang menggunakan AWS untuk mendigitalkan dan memodenkan 25 aplikasi yang membolehkan mereka menawarkan perkhidmatan yang lebih inovatif kepada pelanggan mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, sumbang ekonomi digital kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara berjumlah 23.2 peratus pada 2021. Matlamat kami untuk meningkatkan sumbang ekonomi digital kepada 25.5 peratus daripada KDNK Malaysia menjelang 2025.

Sementara itu, Pengarah Urusan Serantau AWS bagi Sektor Awam Seluruh Dunia di ASEAN,

Eric Conrad, berkata pemilihan Malaysia disebabkan kedudukannya sebagai destinasi pelaburan yang dapat memberi sokongan kepada pelanggan sedia ada untuk meningkatkan lagi infrastruktur awan mereka.

Beliau berkata, AWS melihat pemecutan ketara dalam fasa pengadaptasian dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Malah, permintaan daripada pelanggan yang mahukan data mereka lebih dekat juga semakin meningkat dan terdapat kes ia (data lebih dekat) menjadi satu syarat keperluan.

"Jadi, kami akur dengan permintaan mereka dan membuat penetapan ini waktu yang sesuai untuk melabur dalam infrastruktur baharu di sini," katanya.

Conrad berkata, syarikatnya turut menyasarkan untuk membantu kerajaan Malaysia membangunkan kemahiran dan kepakaran bagi melaksanakan usaha peningkatan teknologi awan selain membuat keputusan lebih baik berteraskan data.